

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)**

Peti Surat 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia.
Tel: 03-7955 7266, 7955 7050, 7955 7085, 7955 7172, 7955 7190, 7955 7232, 7955 7341
Fax: 03-7957 8068 (Blok Inovasi) 7955 1824, 7960 6264 (Blok Produktiviti) 7954 0795 (Promosi)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia.
<http://www.mpc.gov.my>


(Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri - MITI)

**SURAT SETUJU TERIMA**

MPC.100-14/1/2

2 Mac 2021

CERIA ALAM JAYA ENTERPRISE
No. 39B, Jalan Cantik 6, Taman Pelangi Indah
81800 Ulu Tiram, Johor
(U/P : Ika Jueita binti Musa)

**MPC (SRO) 2/2021: PERKHIDMATAN KERJA-KERJA LANSKAP DAN PENYELENGGARAAN KAWASAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada tawaran daripada pihak puan untuk perkhidmatan di atas dan sukacita memaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tersebut dengan harga keseluruhan sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ratus Empat Puluh Sembilan Sembilan Ratus Tujuh Puluh Enam sahaja (RM 149, 976.00)**.

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebut harga oleh pihak puan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah:

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH	KADAR SEBULAN (RM)	HARGA (RM)
1.	PERKHIDMATAN KERJA-KERJA LANSKAP DAN PENYELENGGARAAN KAWASAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN (1 APRIL 2021 HINGGA 31 MAC 2023)	24 BULAN	6,249.00	149, 976.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			6,249.00	149, 976.00

3. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak puan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak puan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan adalah **selama 24 bulan bermula pada 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2023** (Tempoh percubaan adalah selama 3 Bulan).

4. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan 3 dalam tempoh 120 hari (4 bulan) dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat Puan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan pihak MPC tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat puan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan tolakan/*Liquidated Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

6. Syarikat puan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau

yang telah diubah suai;

- (d) syarikat puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat puan digulungkan;
- (k) syarikat puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat puan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.

8. Sekiranya pihak puan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak puan.

9. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak puan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak puan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.


Tandatangan Pembekal

Nama Penuh : IKA JUEITA BINTI MUSA
Alamat : NO 44 JALAN LEDANG 1B,
TAMAN BUKIT TIRAM,
81800 ULU TIRAM, JOHOR
Tarikh : 7/3/2021


Tandatangan Saksi

Nama Penuh : SHAHRUL AZANI BIN HASSAN
Alamat : BLOK GG-01 PANGSAPURI TITIWANGGA
JALAN PADI MACINJA 7, BANDAR BARU UDA
81200, JOHOR BARU, JOHOR
Tarikh : 7/3/2021

Diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak :



Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh: 7/3/2021

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

**MPC (SRO) 2/2021: PERKHIDMATAN KERJA-KERJA LANSKAP DAN
PENYELENGGARAAN KAWASAN DI KOMPLEKS PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SELATAN.**

Saya IKA JUEITA BINTI MUSA nombor K.P. 861211-01-5334 yang
mewakili CERIA ALAM JAYA ENTERPRISE nombor pendaftaran JM 0470253-D

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



Nama : IKA JUEITA BINTI MUSA

No. K.P.: 861211-01-5334

Cop Syarikat :

